

# Bincang DEB secara terbuka – Keng Yaik

um- 5/7/2007

KUALA LUMPUR 4 Julai – Penasihat Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik menggesa kerajaan supaya membenarkan isu sensitif termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang didakwa meminggirkan kelompok tertentu dalam masyarakat, dibincangkan secara terbuka oleh orang ramai.

Beliau berkata, ia wajar dilakukan kerana rakyat sudah matang untuk membincangkan isu-isu kontroversi berkaitan agama, budaya dan politik memandangkan negara sudah 50 tahun mencapai kemerdekaan.

“Ia seperti lelaki berusia 50 tahun yang dianggap berada di pertengahan umur dan matang serta boleh membincangkan isu ini secara rasional dan bertanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan forum awam bertajuk Cabaran Perpaduan Nasional yang disampaikan oleh Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (Just), Dr. Chandra Muzaffar di sini malam ini.

Menurut Keng Yaik, perbincangan terbuka itu perlu melibatkan isu lain yang dianggap boleh menjejaskan perpaduan dan keselamatan negara seperti ketidakseimbangan dalam pasaran kerja, pen-swastaan syarikat dan pendidikan.